

TAHAP PENYESUAIAN TINGKAH LAKU KANAK-KANAK TADIKA YAYASAN ISLAM TERENGGANU

(Level of Children Behavioural Adjustment Terengganu Islamic Foundation Kindergarten)

*Zanariah Mat Isa¹, Kamarul Shukri Mat Teh²

¹Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kampus Sultan Mizan,
21300 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia.

²Fakulti Pengajian Kotemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak,
21300 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia.

*Corresponding author's email: zanariah@ipgmksm.edu.my

Article History:

Submit: 3 February 2017

Accepted: 6 February 2017

Revised: 21 February 2017

Published: 16 June 2017

Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education

Vol. 1, No. 1 (2017), 36-44

Abstrak

Secara tradisi masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak dikaitkan dengan faktor persekitaran dan biologi. Fenomena universal yang berlaku di seluruh dunia ini bukan sahaja tiada bernoktah, malah semakin kompleks mutakhir ini. Masalah penyesuaian tingkah laku yang dialami semasa zaman awal perkembangan kanak-kanak mempengaruhi keseluruhan tindak balas individu terhadap hubungan sosial, personaliti, kesihatan mental dan fizikal, kemahiran literasi dan numerasi, kebolehan berbahasa, kemahiran komunikasi, motivasi, kesediaan belajar, kesediaan ke sekolah, kebolehan berbahasa dan kejayaan dalam akademik. Kajian ini bertujuan untuk memberi pendedahan awal berkaitan tahap masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak Tadika Yayasan Islam Terengganu (TYIT). Masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak dinilai berdasarkan tiga kategori masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak iaitu hiperaktif-terganggu, permusuhan-agresif dan kebimbangan-ketakutan. Seramai 380 kanak-kanak TYIT menjadi sampel dalam kajian ini. Mereka dipilih secara rawak mudah dari lapan daerah di negeri Terengganu. Dapatan kajian menunjukkan keseluruhannya masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak TYIT berada pada tahap yang rendah. Satu bentuk masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak berada pada tahap sederhana iaitu hiperaktif-terganggu. Dua bentuk masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak berada pada tahap rendah iaitu permusuhan-agresif dan kebimbangan-ketakutan. Kanak-kanak lelaki menunjukkan tahap masalah penyesuaian tingkah laku yang lebih tinggi berbanding kanak-kanak perempuan. Dicadangkan guru menilai dan menyediakan profil tingkah laku kanak-kanak agar intervensi awal dapat diberi kepada kanak-kanak yang memerlukan.

Kata Kunci: Masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak, hiperaktif-terganggu, permusuhan-agresif, kebimbangan-ketakutan

Abstract

Traditionally, the problem of children behavioural adjustment was linked to the factors of surrounding environment and biology. This universal phenomenon occurring all over the world is dubbed as endless and becoming even more complex up to recent. Behavioural adjustment problem faced during early childhood development period will influence the overall individual response towards social connection, personality, physical and mental health, numeracy and literacy skills, lingual ability, communicative skill, verbal ability, and academic success. This study intends to provide early exposure in relation to the level of children behavioural adjustment problem in Terengganu Islamic Foundation Kindergarten or Tadika Yayasan Islam Terengganu (TYIT). Children behavioural adjustment problems are assessed based on three categories which are hyperactive-distractible, hostile-aggressive, and anxious-fearful. A number of 380 TYIT children becomes the sample in this study. They are selected in a simple random manner from eight districts in the state of Terengganu. Overall finding of this study shows that the problem of behavioural adjustment amongst TYIT children is at low level. Hyperactivity, a form of children behavioural adjustment problem is at moderate level. Hostile-aggressive and anxious-fearful behavioural adjustment problems are at low level. Male children tend to show higher behavioural adjustment problems compared to female children. It

is suggested that teachers assess and prepares children's behavioural profiles so as to enable early intervention towards children whom are in need.

Keywords: *Children behavioural adjustment problem, hyperactive, hostile-aggressive, anxious-fearful*

1.0 PENGENALAN

Masalah tingkah laku ditakrifkan sebagai tindak balas fizikal, mental atau emosi terhadap peristiwa atau rangsangan yang menyebabkan anggota badan atau mental mengalami ketegangan dan terdorong melakukan masalah tingkah laku (Erin, Rodriguez, Cappella, Morris & McClowry, 2012). Sesuatu tingkah laku itu dikatakan bermasalah apabila kelakuan negatif tersebut dilakukan secara berterusan dan mengakibatkan kemerosotan dalam pelbagai fungsi serta memerlukan campur tangan golongan dewasa (American Psychiatric Association (APA), 2010). Terminologi ini terus berkembang dengan kemunculan istilah masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak oleh Yoleri (2014). Antara lain, istilah ini merujuk kepada kanak-kanak sama ada dapat menyesuaikan diri dengan perubahan dalam rutin atau persekitaran baharu dengan mudah atau menentang peralihan (Yoleri, 2014).

Antara bentuk masalah tingkah laku yang sering dikaitkan dengan kanak-kanak berdasarkan kajian-kajian lalu ialah hiperaktif, daya tumpuan singkat, buli, mengganggu orang lain, ketidakpatuhan, bercakap bohong, dan permusuhan-agresif (Jewswan, Luster, & Kostelnik, 1993; Klein, 1982; 1991). Kajian-kajian selepas tahun 2010 juga masih menemukan masalah penyesuaian tingkah laku luaran yang sama (Lycett; Sciberras; Mensah & Hiscock, 2014; Moser, Emily, Patrick & Schmidt, 2014; Dougherty, Bufferd, Carlson, Dyson, Olino, Durbin, & Klein, 2011). Hal ini membuktikan masalah penyesuaian tingkahlaku kanak-kanak tidak pernah berakhir. Kajian untuk memahami dan mendalami isu ini perlu dilakukan dari semasa ke semasa kerana kanak-kanak merupakan aset penting negara seperti kata Sayidina Ali untuk melihat masa depan sesebuah negara lihatlah pada generasi mudanya. Masalah penyesuaian tingkah laku luaran kanak-kanak lelaki atau perempuan dapat dikesan seawal usia dua tahun (Shaw, Hyde & Brennan, 2012; Broidy et al., 2003). Justeru, langkah awal perlu dilakukan oleh ibu bapa dan guru untuk membantu kanak-kanak membuat penyesuaian tingkah laku agar mereka dapat berkembang secara normal.

Kajian berkaitan masalah penyesuaian tingkah laku masih kurang dilakukan di Malaysia khususnya di peringkat kanak-kanak. Lantaran itu, kajian ini cuba mengenal pasti tahap masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak di peringkat tadika. Pengabaian aspek pembentukan tingkahlaku meletakkan kanak-kanak dalam situasi berisiko. Kajian-kajian terdahulu membuktikan masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak jika tidak diatasi akan menyebabkan masalah yang lebih serius seperti, terjebak dalam masalah keciciran sekolah, delinkuen, keganasan, seks bebas, penagihan dadah, jenayah, kesihatan mental dan kesukaran mendapat pekerjaan (Bornstein & Bradley, 2010; Duncan, Dowsett & Claessens, 2007; Liu & Wang; 2007; Hinshaw, 1987).

2.0 PUNCA MASALAH PENYESUAIAN TINGKAH LAKU KANAK-KANAK

Transisi dari rumah ke tadika menimbulkan perubahan kepada emosi kanak-kanak. Perubahan emosi ini kadangkala menghasilkan perubahan sosio emosi, menimbulkan rasa ketegangan dan ketidakentuan fizikal dan mental kanak-kanak (Fanti & Henrich, 2010) akibat persekitaran yang serba baru seperti bangunan, bilik darjah, guru dan rakan-rakan (Margetts, 2005). Untuk membolehkan kanak-kanak berfungsi secara normal dan bebas, mereka perlu membina hubungan dan membuat penyesuaian tingkah laku dengan guru, pembantu guru dan rakan-rakan lain serta mengikut peraturan yang telah ditetapkan (Fanti & Henrich 2010; Margetts, 2005). Pelbagai reaksi tingkah laku yang dipamerkan oleh kanak-kanak seperti kebimbangan, pengunduran diri, menggigit kuku, menghisap ibu jari, gagap dan terbuang air kecil atau besar di dalam kelas adalah isyarat awal bahawa mereka sedang mengalami kesukaran dalam penyesuaian tingkah laku dalam situasi baharu (Lycett et al., 2014; Margetts, 2005).

Menurut Dreikurs (1964) (pengarang buku *Children the Challenge*) setiap tingkah laku kanak-kanak di dorong oleh keperluan serta harapan mereka untuk rasa dimiliki dan banyak kelakuan terarah untuk mencari tempat dalam dunia sosial. Beliau telah memperincikan empat tujuan kanak-kanak melakukan masalah tingkah laku iaitu untuk mendapatkan perhatian, memperoleh kuasa, menyakiti orang lain atau membalas dendam dan memaparkan ketidakcukupan. Justeru, guru perlu bijak mengenal pasti maksud tersirat di sebalik setiap masalah tingkah laku kanak-kanak dan memberikan respons yang sesuai.

3.0 OBJEKTIF

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- a) Mengenal pasti tahap masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak yang dihantar ke TYIT secara keseluruhan dan berdasarkan konstruk.
- b) Menganalisis pola masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak di TYIT mengikut jantina.

4.0 KAJIAN LITERATUR

Masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak berkait rapat dengan tahap kesediaan awal kanak-kanak ke sekolah (Posner & Rothbart, 2007). Dengan menilai masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak menjadi indikator kepada guru sejauh mana ibu bapa menyediakan mereka dari sudut sosio emosi, kognitif, sosial dan psikomotor (Dockett & Perry 2007). Ibu bapa perlu memberi perhatian dan pendedahan pengalaman awal supaya kanak-kanak bersedia untuk bersekolah dan membuat penyesuaian tingkah laku (Margetts, 2005). Kanak-kanak yang mempunyai kesediaan tingkah laku ke tadika akan lebih berjaya dalam akademik dan hubungan sosial berbanding rakan-rakan yang mempunyai tahap kesediaan yang rendah (Dockett & Perry 2007; Posner & Rothbart, 2007, Lee & Bowen, 2006). Ramalan ini dikaitkan kerana kesediaan tingkah laku kanak-kanak merupakan kemahiran yang berkembang secara kumulatif (Smart, Sanson, Baxter, Edwards, & Hayes, 2008). Kesediaan tingkah laku kanak-kanak ke sekolah akan menyediakan landasan yang kukuh untuk perkembangan yang seterusnya. Masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak perlu dipandang serius kerana Klein, Gonçalves & Silva (2009) melaporkan terdapat peningkatan masalah penyesuaian tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak yang dipamerkan dalam persekitaran pendidikan khususnya di sekolah.

Masalah penyesuaian tingkah laku bukan sahaja menjadi cabaran yang besar kepada kanak-kanak itu sendiri malahan kepada guru juga. Kajian oleh Raver et al. (2008) dan Fantuzzo et al. (2007) mendapati masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak turut memberi kesan negatif kepada guru di dalam kelas. Misalnya, boleh mempengaruhi atau menghilangkan keyakinan atau efikasi guru (Rimm-Kaufman & Pianta, 2000). Dalam situasi yang lain pula, guru boleh hilang fokus dan motivasi sekaligus menyebabkan kompetensi pengajaran guru menjadi lemah (Hemmeter, Corso & Cheatham, 2006). Hal ini jika dibiarkan berlarutan boleh meletakkan guru-guru dalam keadaan dilema dan tertekan antara usaha untuk memenuhi tuntutan kurikulum dan ibu bapa yang semakin meningkat atau merawat masalah tingkah laku di dalam bilik darjah (Hemmeter, Corso & Cheatham, 2006). Guru juga terpaksa bergelut dengan masa untuk menyempurnakan "tugas" pengajaran yang diperlukan, memenuhi standard akauntabiliti dan untuk mengendalikan masalah tingkah laku kanak-kanak yang semakin mencabar (Raver et al., 2008; Fantuzzo et al., 2007; Hemmeter, Corso & Cheatham, 2006). Tambah membimbangkan apabila Raver et al. (2008) mengaitkan senario masalah penyesuaian tingkah laku ini boleh membawa kepada gejala *stress* dan *burnout* dalam kalangan guru.

Mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Justeru, salah satu keperluan untuk menangani tuntutan keunikan individu dalam masalah penyesuaian tingkah laku ini ialah guru melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan tentang perkembangan kanak-kanak. Pengetahuan guru tentang perkembangan kanak-kanak sangat penting agar guru dapat menyediakan persediaan pengajaran dan pembelajaran yang kondusif, sesuai dan menepati bagi setiap kanak-kanak (Sofiah & Kamarul, 2016). Pengetahuan dan pemahaman ini juga membantu guru mengenali, memahami, mentafsir, menjangka dan membuat justifikasi kecenderungan perbezaan serta keunikan tingkah laku kanak-kanak (Nor Hashimah & Yahya, 2007). Manfaatnya, 'konflik' antara guru dan kanak-kanak dapat dikurangkan.

Bekalan pengetahuan ini juga merupakan satu peluang kepada guru untuk menjangka dan memahami reaksi kanak-kanak (Nor Hashimah & Yahya, 2007). Guru perlu memberi sokongan dan pendidikan tingkah laku secara intensif kepada kanak-kanak (Rohaty & Abu Bakar, 1989). Contohnya guru memberi pendedahan dan pengalaman kepada kanak-kanak untuk menguruskan emosi marah, kecewa dan bimbang. Pendidikan, sokongan, pengalaman dan pendedahan yang diberikan menyediakan iklim persekitaran perkembangan yang eksklusif untuk kanak-kanak menjalani proses tumbesaran secara kondusif.

5.0 METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kuantitatif menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Soal selidik digunakan bagi tujuan pengumpulan data. Kajian ini menggunakan soal selidik yang di adaptasi daripada *Preschool Behavior Questionnaire (PBQ)* yang dibina oleh Behar dan Stringfield (1974) untuk mengenal pasti tiga jenis masalah

penyesuaian tingkah laku kanak-kanak iaitu hiperaktif-terganggu, permusuhan-agresif dan kebimbangan-ketakutan.

6.0 SAMPEL KAJIAN

Kajian ini melibatkan 380 orang kanak-kanak (190 orang lelaki dan 190 orang perempuan) berusia 6 tahun yang sedang mengikuti program pendidikan prasekolah, di lapan buah Tadika Yayasan Islam Terengganu di lapan buah daerah di negeri Terengganu.

7.0 ANALISIS

Setiap item dianalisis menggunakan statistik deskriptif (min, sisihan piawai dan peratusan) untuk mengenal pasti tahap dan pola masalah penyesuaian tingkah laku.

8.0 DAPATAN KAJIAN

8.1 Tahap Masalah Penyesuaian Tingkah Laku Kanak-Kanak Di TYIT Secara Keseluruhan dan Berdasarkan Konstruk

Secara keseluruhan masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak berada pada tahap rendah ($M = 2.11$, $SP = 0.50$). Masalah penyesuaian tingkah laku hiperaktif-terganggu berada pada tahap sederhana ($M = 2.77$, $SP = 0.85$). Masalah penyesuaian tingkah laku kebimbangan-ketakutan pula berada pada tahap rendah ($M = 2.09$, $SP = 0.59$) dan masalah penyesuaian tingkah laku permusuhan-agresif juga berada pada tahap rendah ($M = 1.82$, $SP = 0.66$). Rujuk Jadual 1.

Jadual 1 Min, Sisihan Piawai dan Tahap Masalah Penyesuaian Tingkah Laku Kanak- Kanak

Jenis Masalah Penyesuaian Tingkah Laku Kanak- Kanak	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Hiperaktif-Terganggu	2.77	0.85	Sederhana
Permusuhan-Agresif	1.82	0.66	Rendah
Kebimbangan-Ketakutan	2.09	0.59	Rendah
Keseluruhan	2.11	0.50	Rendah

Kajian ini juga mendapati majoriti 62.6% kanak-kanak (238 daripada 380 kanak-kanak) berada pada tahap rendah masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak. 37.4% kanak-kanak (142 daripada 380 kanak-kanak) berada pada tahap sederhana masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak. Manakala tiada kanak-kanak yang berada pada tahap tinggi masalah penyesuaian tingkah laku. Bilangan dan peratus tahap masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak terkandung dalam Jadual 2.

Jadual 2 Bilangan Dan Peratus Tahap Masalah Penyesuaian Tingkah Laku Kanak-Kanak

Tahap Masalah Penyesuaian Tingkah Laku Kanak-Kanak	Kanak-Kanak (N=380)	
	Bil	(%)
Rendah	238	62.6
Sederhana	142	37.4
Tinggi	0	0
Jumlah	380	100

8.2 Pola Masalah Penyesuaian Tingkah Laku Kanak-Kanak Di TYIT Mengikut Jantina

Berdasarkan Jadual 3, sebanyak 37.90% (72 daripada 190 orang kanak-kanak lelaki menunjukkan masalah penyesuaian tingkah laku pada tahap sederhana. Manakala masalah penyesuaian tingkah laku pada tahap sederhana bagi kanak-kanak perempuan adalah sebanyak 36.84% (70 daripada 190 orang kanak-kanak perempuan).

Seterusnya, masalah penyesuaian tingkah laku pada tahap rendah bagi kanak-kanak lelaki adalah sebanyak 62.10% (118 daripada 190 orang kanak-kanak lelaki). Manakala tahap masalah penyesuaian tingkah laku pada tahap rendah bagi kanak-kanak perempuan adalah sebanyak 63.16% (120 daripada 190 orang kanak-kanak perempuan).

Jadual 3 Tahap Masalah Penyesuaian Tingkah Laku Kanak-Kanak Mengikut Jantina

Tahap Masalah Tingkah Laku	Kanak-Kanak (N = 380)			
	Lelaki		Perempuan	
	Bil	%	Bil	%
Tinggi	0	0.0	0	0.0
Sederhana	72	37.90	70	36.84
Rendah	118	62.10	120	63.16

Jadual 4 menunjukkan pola tiga kategori utama masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak lelaki mengikut susunan tahap tertinggi kepada terendah pula ialah hiperaktif-terganggu ($M = 2.91$, $SP = 0.78$), kebimbangan-ketakutan ($M = 2.12$, $SP = 0.53$) dan permusuhan-agresif ($M = 1.87$, $SP = 0.67$). Manakala pola tiga kategori utama masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak perempuan mengikut susunan tahap tertinggi kepada terendah ialah hiperaktif-terganggu ($M = 2.62$, $SP = 0.90$), kebimbangan-ketakutan ($M = 2.05$, $SP = 0.64$) dan permusuhan-agresif ($M = 1.76$, $SP = 0.64$). Pola ketiga-tiga kategori utama masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak lelaki dan perempuan mengikut susunan tahap tertinggi kepada terendah adalah sama. Kanak-kanak lelaki mencatat tahap min yang lebih tinggi berbanding kanak-kanak perempuan bagi ketiga-tiga kategori.

Jadual 4 Min dan Sisihan Piawai Masalah Penyesuaian Tingkah Laku Kanak-Kanak Mengikut Jantina Berdasarkan Kategori

Kategori Masalah	Lelaki			Perempuan		
	Min	S.P.	Interpretasi	Min	S.P.	Interpretasi
Hiperaktif-Terganggu	2.91	0.78	Sederhana	2.62	0.90	Sederhana
Kebimbangan-Ketakutan	2.12	0.53	Rendah	2.05	0.64	Rendah
Permusuhan-Agresif	1.87	0.67	Rendah	1.76	0.64	Rendah
Keseluruhan	2.18	0.42	Rendah	2.05	0.55	Rendah

9.0 PERBINCANGAN

Secara keseluruhan, tahap masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak TYIT adalah rendah. Dapatan ini adalah berbeza jika dibandingkan dengan beberapa kajian lain (Akgun & Mellier, 2015; Ismaili, 2015; Badri, Qubaisi, Rashedi & Yang, 2014; Altay & Gure, 2012; Fanti & Henrich, 2010). Dapatan ini menunjukkan kanak-kanak TYIT tahu membuat penyesuaian tingkah laku. Hal ini memberi petunjuk bahawa majoriti ibu bapa telah memberi didikan kemahiran tingkah laku kepada kanak-kanak.

Selain itu, kajian ini mendapati masalah penyesuaian tingkah laku hiperaktif-terganggu adalah yang paling kerap dipamerkan kanak-kanak TYIT. Dapatan yang sama turut diperoleh oleh Badri et al. (2014); Lycett et al., (2014); Dougherty et al. (2011). Walau bagaimanapun terdapat perbezaan dapatan item yang paling kerap dilakukan oleh kanak-kanak. Dalam kajian ini item hiperaktif-terganggu “kanak-kanak ini mempunyai daya tumpuan yang singkat” merupakan masalah yang paling kerap dilakukan oleh kanak-kanak. Dapatan yang sama turut diperoleh Badri et al. (2014). Margetts (2005) dalam kajiannya juga mendapati item “mempunyai daya tumpuan yang singkat” merupakan antara bentuk tingkah laku hiperaktif-terganggu yang dipamerkan oleh kanak-kanak di empat buah sekolah di Melbourne. Senario ini memberi petunjuk kepada ibu bapa dan guru bahawa kanak-kanak belum mempunyai kemahiran mengawal selia tingkah laku untuk menumpukan perhatian. Justeru, ibu bapa dan guru perlu berperanan untuk melatih dan membimbing kanak-kanak mengawal selia tingkah laku untuk menumpukan perhatian agar mereka memperoleh manfaat daripada proses pengajaran dan pembelajaran di tadika.

Seterusnya, didapati masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak lelaki juga lebih tinggi berbanding kanak-kanak perempuan. Badri et al. (2014), Dougherty et al. (2011), Bagner et al. (2010), Krishnan (2010), Williford, Calkins & Keane (2007); Angelica dan Fong (2005) dan Stemmler, Lösel, Beelmann, Jaursch & Zenkert (2005) dalam kajian mereka juga mendapati masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak lelaki lebih tinggi berbanding kanak-kanak perempuan. Sesuatu yang mengejutkan apabila kajian mendapati kanak-kanak lelaki mengalami masalah penyesuaian tingkah laku kebimbangan-ketakutan lebih tinggi berbanding kanak-kanak perempuan. Dapatan yang sama juga pernah diperoleh menerusi kajian yang dilakukan oleh Caitlin (2009). Penemuan ini bercanggah dengan dapatan kebanyakan pengkaji seperti (Angelica & Fong, 2013; Bayer et al., 2012).

Kanak-kanak bukan sahaja ‘kecil’ dari segi usia dan fizikal malah turut ketandusan pengalaman, ilmu, pemikiran dan pegangan nilai (Liu & Wang, 2007). Masalah tingkah laku kadangkala berlaku tanpa sedar kanak-kanak itu sendiri. Mereka beranggapan nilai dan *world view* mereka adalah sama dengan orang di sekeliling. Tanpa bimbingan ibu bapa, guru dan masyarakat, kanak-kanak tidak akan sedar nilai dan

world view mereka kadangkala adalah bertentangan dan tidak selari dengan kehendak masyarakat. Walau apa-apa juga situasi, kanak-kanak perlu diberi bimbingan berterusan bagi mengoptimumkan potensi mereka dan membendung segala gejala masalah tingkah laku daripada berleluasa dan berterusan sehingga terbawa-bawa ke alam dewasa. Tahun-tahun awal kehidupan kanak-kanak merupakan tetingkap yang menjadi peluang untuk merangka kursus untuk pembelajaran sepanjang hayat, kerana kanak-kanak sememangnya dilahirkan untuk menjadi pelajar. Mereka merupakan modal insan yang perlu digilap dan diasuh agar menjadi aset yang berguna kepada negara. Pendidikan akhlak yang baik merupakan hadiah yang sangat berharga dan bermakna sepanjang kehidupan anak-anak, sebagaimana hadis nabi riwayat al-Tirmidzi (Abdullah, 2015) yang bermaksud, tiada seorang bapa memberikan anaknya suatu pemberian yang lebih baik selain daripada adab yang mulia.

Terdapat pelbagai cara untuk mengatasi masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak. Salah satunya melalui program transisi yang dilaksanakan pada awal pembukaan sesi persekolahan. Semasa program transisi ibu bapa disaran melibatkan diri, bekerjasama serta berinteraksi secara langsung dengan guru (Margets, 2005). Penglibatan ibu bapa di sekolah semasa program transisi berlangsung ini merupakan serampang dua mata: dapat meningkatkan keyakinan diri dan penyesuaian tingkah laku kanak-kanak serta membina hubungan positif antara ibu bapa dengan guru (Hornby & Witte, 2010).

10.0 BATASAN DAN CADANGAN

Kajian ini hanya menggunakan sampel sebanyak 380 orang kanak-kanak yang sedang mengikuti pendidikan prasekolah di TYIT. Dicadangkan kajian akan datang menggunakan sampel yang lebih besar melibatkan pelbagai jenis tadika untuk mengetahui tahap masalah penyesuaian tingkah laku kanak-kanak di Malaysia.

Data kajian ini diperoleh melalui sekali kutipan data iaitu menggunakan kaedah tinjauan berbentuk keratan lintang. Oleh itu, dapatan yang diperoleh tidak boleh menolak beberapa faktor yang mempengaruhi penilai semasa mengisi soal selidik seperti faktor pengalaman dan masa. Dicadangkan kajian seterusnya berbentuk *longitudinal* dilakukan dengan beberapa kali kutipan data. Kajian *longitudinal* kerap dilakukan di barat khususnya untuk mengkaji tingkah laku kanak-kanak.

Selain itu, data kajian ini hanya berasaskan laporan satu pihak iaitu guru. Kajian seterusnya disaran menggunakan kaedah *multisource* iaitu beberapa pihak seperti ibu, bapa, guru dan pembantu guru menjadi penilai tingkah laku kanak-kanak agar memperoleh ketepatan data. Di samping itu, penggunaan *multimethod* juga merupakan kaedah yang popular di barat dalam menilai tingkah laku kanak-kanak (Holmbeck, Li, Schurman, Friedman, & Coakley, 2002). Selain penggunaan soal selidik, tingkah laku kanak-kanak dinilai melalui kaedah pemerhatian sama ada secara semula jadi atau di dalam makmal.

11.0 KESIMPULAN

Kajian ini menjadi antara perintis kepada kajian tingkah laku kanak-kanak di Malaysia. Dapatan kajian ini memberi maklumat berguna kepada pembuat dasar, penyelidik, masyarakat, guru dan ibu bapa ke arah meningkatkan kualiti pendidikan kanak-kanak. Kualiti pendidikan kanak-kanak berkait rapat dengan faktor guru sepertimana yang disuarakan oleh Kerr et al., (2007) guru perlu melakukan yang terbaik berdasarkan ilmu dan kemahiran yang dimiliki agar kanak-kanak mendapat yang terbaik daripada tindakan guru. Pengajaran dan pembelajaran hendaklah disandarkan kepada satu proses interaksi yang berterusan antara murid dengan guru dan pengajaran yang berkesan bukanlah tentang guru tetapi semua yang berkaitan dengan murid (Berk & Trieber, 2009). Guru perlu banyak berkomunikasi serta berinteraksi secara fizikal dan emosi dengan kanak-kanak (Mohammad Shatar, Jasni & Azali, 2006). Bekalan pengetahuan ini juga merupakan satu peluang kepada guru untuk menjangka dan memahami reaksi kanak-kanak (Nor Hashimah & Yahya, 2007). Oleh itu, guru perlu bersikap proaktif dengan memantau tingkah laku kanak-kanak dan melakukan pencegahan dan intervensi dari semasa ke semasa. Adunan ilmu, kemahiran dan inisiatif guru memberi impak positif terhadap keperluan psikologi pembelajaran kanak-kanak seperti menyediakan persekitaran pembelajaran yang sesuai serta berorientasikan mesra perkembangan kanak-kanak dan rasa selamat. Komitmen, sokongan dan respons positif daripada guru mencipta ruang dan peluang ke arah keberhasilan kanak-kanak. Guru adalah agen aktif dalam proses pendidikan (Rimm-Kaufman & Pianta, 2000). Sekolah bukan sahaja tempat belajar malah tempat kanak-kanak memperoleh pengalaman untuk di adaptasi dalam kehidupan sebenar (Mart, 2013). Pengetahuan dan pemahaman tentang masalah penyesuaian tingkah laku menjadi garis panduan kepada guru untuk merancang, menyediakan dan melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan serta bermakna untuk setiap kanak-kanak.

12.0RUJUKAN

- Abdullah Nasih, U. (2015). *Pendidikan peribadi anak menurut pandangan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar Sdn. Bhd.
- Akgun, E., & Mellier, D. (2015). The Evaluation of Social Competence and Internalizing and Externalizing Problem Behaviors of French and Turkish Children by their Attachment Representations. *Anthropologist*, 20, 13–21. <http://krepublishers.com/02-Journals/T-Anth/Anth-20-0-000-15>
- Altay, F. B., & Gure, A. (2012). Relationship among the Parenting Styles and the Social Competence and Prosocial Behaviors of the Children Who are Attending to State and Private Preschools. *Educational Sciences*, 12(4), 2712–2718.
- Angelica, M. D., & Fong, Y. (2005). Relations Among Positive Parenting, Children's Effortful Control, and Externalizing Problems: A Three-Wave Longitudinal Study. *Child Development*, 76(5), 1055–1071. <http://doi.org/10.1016/j.surg.2006.10.010>.
- Angelica, M. D., & Fong, Y. (2013). Relations over Time among Children's Shyness, Emotionality, and Internalizing Problems. *Social Development*, 21(1), 109–129. <http://doi.org/10.1111/j.1467-9507.2011.00618.x>.
- American Psychiatric Association (APA). (2010). Disruptive Behaviour Disorders - Dr Motayne, 1–13. <papers2://publication/uuid/92CFC900-9775-4255-9695-9A237EDCD591>
- Badri, M., Qubaisi, A. Al, Rashedi, A. Al, & Yang, G. (2014). The causal relationship between parental involvement and children's behavioural adjustment to KG-1 schooling. *International Journal of Child Care and Education Policy*, 8(1), 3. <http://doi.org/10.1007/s40723-014-0003-6>
- Bagner, D. M., Boggs, S. R. & Eyberg, S. M. (2010). Evidence-based school behavior assessment of externalizing behavior in young children. *Education and Treatment of Children*, 33(1), 65–83. <http://doi.org/10.1353/etc.0.0084>
- Bayer, J. K., Ukoumunne, O. C., Mathers, M., Wake, M., Abdi, N., & Hiscock, H. (2012). Development of children's internalising and externalising problems from infancy to five years of age. *Australian and New Zealand Journal of Psychiatry*, 46(7), 659–668. <http://doi.org/10.1177/0004867412450076>
- Behar, L. & Stringfield, S. (1974). A behaviour rating scale for the pre-school child. *Developmental Psychology*, 10(5), 601-610.
- Berk, R. A. & Trieber, R. H. (2009). Whose classroom is it, anyway? Improvisation as a teaching tool. *Journal on Excellence in College Teaching*, 20(3), 29-60.
- Bornstein, M. H. & Bradley, R. H. (2010). *Socioeconomic status, parenting and child development*. New Jersey: Erlbaum.
- Broidy, L. M., Nagin, D. S., Tremblay, R. E., Bates, J. E., Brame, B., Dodge, K. A., et al. (2003). Developmental trajectories of childhood disruptive behaviors and adolescent delinquency: A six-site, cross-national study. *Developmental Psychology*, 39, 222- 245.
- Caitlin E. S. (2009). *Co-occurring, externalizing, and internalizing symptoms in early childhood: child and contextual factors*. (Unpublished doctoral dissertation). University of North Carolina at Greensboro.
- Caitlin E. S. (2009). *Co-occurring, externalizing, and internalizing symptoms in early childhood: child and contextual factors*. (Unpublished doctoral dissertation). University of North Carolina at Greensboro.
- Dockett, S. & Perry, B. (2007). *Transitions To School: Perceptions, Expectations, Experiences*. Sydney: University of New South Wales Press.
- Duncan, G. J., Dowsett, C. J. & Claessens, A. (2007). School readiness and later achievement. *Developmental Psychology*, 43(6), 1428-1446.
- Dougherty, L. R., Bufferd, S. J., Carlson, G. A., Dyson, M., Olino, T. M., Durbin, C. E. & Klein, D. N. (2011). Preschoolers' observed temperament and psychiatric disorders assessed with a parent diagnostic interview. *Journal of Clinical Child & Adolescent Psychology*, 40, 295–306.
- Dreikurs, R. (1964). *Children: The Challenge*. Plume: Chicago.
- Erin O'Connor, Rodriguez, E., Cappella, E., Morris, J. & McClowry, S. (2012). Child disruptive behavior and parenting efficacy: a comparison of the effects of two models of insights. *Journal of Community Psychology*, 38(8), 975-991. <http://doi.org/10.1002/jcop>
- Fantuzzo J. W., Bulotsky-Shearer, R., Frye, D., McDermott, P., McWayne, C. & Perlman, S. (2007). Investigation of social, emotional, and behavioral dimensions of school readiness for low-income, urban preschool children. *School Psychology Review*, 36(1), 44–62.
- Fanti, K. A., & Henrich, C. C. (2010). Trajectories of pure and co-occurring internalizing and externalizing problems from age 2 to age 12: Findings from the National Institute of Child Health and Human Development Study of Early Child Care. *Developmental Psychology*, 46(5), 1159–1175. <http://doi.org/10.1037/a0020659>

- Hemmeter, M. L., Corso, R. & Cheatham, G. (2006). *Issues in addressing challenging behaviors in young children: A national survey of early childhood educators*. Paper presented at Conference on Research Innovations in Early Intervention, San Diego, CA
- Hinshaw, S. P. (1987). On the distinction between attentional deficits/hyperactivity and conduct problems/aggression in child psychopathology. *Psychological Bulletin*, 101, 443–463.
- Holmbeck, G. N., Li, S. T., Schurman, J. V., Friedman, D., & Coakley, R. M. (2002). Collecting and managing multisource and multimethod data in studies of pediatric populations. *Journal of Pediatric Psychology*, 27(1), 5–18. <http://doi.org/10.1093/jpepsy/27.1.5>
- Hornby, G. & Witte, C. (2010). Parent involvement in rural elementary schools in New Zealand: A survey. *Journal of Child and Family Studies*, 19(6), 771–777
- Ismaili, E. (2015). Psychometric Properties of Eyberg Child Behavior Inventory in Albanian context. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 4(1). <http://doi.org/10.6007/IJARPEDEV/v4-i1/1617>
- Jewsuwan, R., Luster, T. & Kostelnik, M. (1993). The relation between parents' perceptions of temperament and children's adjustment to preschool. *Early Childhood Research Quarterly*, 8, 33-51
- Kerr, D. C. R., Lunkenheimer, E. S. & Olson, S. L. (2007). Assessment of child problem behaviors by multiple informants: a longitudinal study from preschool to school entry. *Journal of Child Psychology and Psychiatry*, 48(10), 967-975. <http://doi.org/10.1111/j.1469-7610.2007.01776>
- Klein, H. A. (1982). The relationship between children's temperament and adjustment to kindergarten and Head Start settings. *The Journal of Psychology*, 112, 259-268.
- Klein, H. A. (1991). Temperament and childhood group care adjustment: A cross-cultural comparison. *Early Childhood Research Quarterly*, 6, 211-224.
- Klein, J. M., Gonçalves, A. & Silva, C. F. (2009). The Rutter Children Behaviour Questionnaire for teachers: from psychometrics to norms, estimating caseness. *Psico-USF (Impresso)*, 14, 157–165. <http://doi.org/10.1590/S1413-82712009000200004>
- Krishnan, V. (2010). Early child development: A conceptual model. *Early Childhood Council Annual Conference*, (May), 1-17.
- Lee, J. S. & Bowen, N. K. (2006). Parent involvement, cultural capital, and the achievement gap among elementary school children. *American Educational Research Journal*, 43(2), 193-19.
- Liu, J. & Wang, Y. F. (2007). An open trial on effectiveness of parent training in children with comorbid attention deficit hyperactivity disorder and oppositional defiant disorder. *Journal Child Adolesc Psychiatr Nurs*, 39(3), 310-314. <http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pubmed/17572790>
- Margetts, K. (2005). Children's adjustment to the first year of schooling: Indicators of hyperactivity, internalising and externalising behaviours. *International Journal of Transitions in Childhood*, 1, 36–44.
- Mart, Ç. T. (2013). A Passionate Teacher: Teacher Commitment and Dedication to Student Learning. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 2(1), 437–442.
- Mohammad Shatar, Jasni Sabri, & Azali Mohamed. (2006). *Tip pendidikan cemerlang*. Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Moser, J., Emily Durbin, C., Patrick, C. & Schmidt, N. (2014). Combining neural and behavioral indicators in the assessment of internalizing psychopathology in children and adolescents. *Journal of Clinical Child & Adolescent Psychology*, 1-12. doi:10.1080/15374416.2013.865191
- Nor Hashimah Hashim & Yahya Che Lah (2007). *Panduan Pendidikan Prasekolah*. PTS Publication & Distributors Sdn Bhd: Bentong.
- Posner, M. I. & Rothbart, M. K. (2007). *Temperament and learning*. Washington, DC: American Psychological Association.
- Raver, C. C., Jones, S. M., Li-Grining, C., Metzger, M., Champion, K. M. & Sardin, L. (2008). Improving preschool classroom processes: Preliminary findings from a randomized trial implemented in Head Start settings. *Early Childhood Research Quarterly*, 23, 10-26.
- Rimm-Kaufman, S. E. & Pianta, R. C. (2000). An ecological perspective on the transition to kindergarten: A theoretical framework to guide empirical research. *Journal of Applied Developmental Psychology*, 21, 491-511
- Rohaty Mohd Majzub & Abu Bakar Nordin (1989). *Pendidikan Prasekolah*. Penerbitan Fajar Bakti: Petaling Jaya
- Shaw, D. S., Hyde, L. W. & Brennan, L. M. (2012). Early predictors of boys' antisocial trajectories. *Development and Psychopathology*, 24(3), 871–88. <http://doi.org/10.1017/S0954579412000429>
- Smart, D., Sanson, A., Baxter, J., Edwards, B. & Hayes, A. (2008). *Home-To-School Transitions For Financially Disadvantaged Children*. Sydney: The Smith Family.

- Sofiah Mohamed & Kamarul Azmi Jasmi (2016). Pengetahuan Guru Pendidikan Islam Prasekolah dalam Rangka Pembangunan Tamadun Ummah. *Sains Humanika*, 8(3-2), 21-28.
- Stemmler, M, Lösel, F, Beelmann, A, Jaurisch, S. & Zenkert, B. (2005). Child problem behavior in kindergarten and in primary school: a comparison between prediction configural frequency analysis and multiple regressions. *Psychology Science*, 47(3/4), 467–478.
- Williford, A. P., Calkins, S. D. & Keane, S. P. (2007). Predicting change in parenting stress across early childhood: Child and maternal factors. *Journal of Abnormal Child Psychology*, 35(2): 251-263.
- Yoleri, S. (2014). The Effects of Age, Gender, and Temperament Traits on School adjustment for Preschool children. *International Journal of Educational Research*, 89–104.